

04 OCT 1998

Najib-Umno

TINDAKAN ANWAR SATU REVOLUSI DAN BUKAN REFORMASI, KATA NAJIB

JOHOR BAHRU, 4 Okt (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas dipecat daripada parti dan jawatannya dalam kerajaan adalah satu revolusi dan bukan gerakan reformasi seperti yang didakwanya.

"Yang sebenarnya itu (apa yang dilakukan) ialah revolusi dan bukan reformasi. Dia menolak semua sama ada Umno, kerajaan, polis, bidang kehakiman dan segala-galanya," katanya ketika merasmikan Kursus Kepimpinan Umno Bahagian Tebrau di Pasir Gudang, dekat sini, hari ini.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan, berkata sekiranya Anwar merupakan seorang pemimpin yang cintakan parti, beliau tidak akan buat apa yang telah dilakukannya.

Beliau berkata, teori konspirasi yang ditimbulkan oleh Anwar juga tidak munasabah kerana kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Anwar sebelum ini begitu kukuh.

Katanya, sebelum Anwar dilucutkan daripada jawatannya dalam kerajaan dan parti, Dr Mahathir telah memberi pilihan supaya dia berundur secara terhormat dan kes-kes terhadapnya tidak diteruskan kerana Perdana Menteri tidak mahu mengaibkan keluarga Anwar.

"Sebaliknya Anwar menolak. Tun Daim (Zainuddin) juga pernah memberi nasihat yang sama tetapi Anwar memilih tidak mahu berhenti walaupun dia (Anwar) tahu jalan yang dipilihnya itu berat kerana dia hendak juga menjadi Perdana Menteri," katanya.

Najib berkata apabila kesnya dibincangkan di mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT), Anwar telah diberi peluang untuk mempertahankan diri.

Beliau lalu menasihati anggota parti supaya jangan mengikut emosi dalam hal yang berlaku sebaliknya melihat perkara itu dengan minda yang terbuka kerana akhirnya kebenaran akan menyerlah.

"Kita tidak mahu kes ini memecah-belahkan Umno dan ada orang yang mengambil kesempatan untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin di peringkat bahagian," kata Najib, yang juga pengerusi bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno.

Bercakap kepada pemberita, Najib berkata mungkin ada penyokong Anwar yang belum yakin dan tidak puas hati dengan apa yang telah berlaku.

"Kita harap dengan penjelasan yang diberi dan perjalanan kes di mahkamah nanti apabila bukti diketengahkan, kita percaya mereka juga akan menyokong tindakan kerajaan dan menyokong apa yang telah dibuat," katanya.

"Kita harap mereka jangan terlalu emosi tetapi bersikap rasional dan terbuka. Mereka mesti taat kepada keputusan parti," kata beliau.

-- BERNAMA

MKO AKD